

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 / 8 / 2017

MISTERI MEMALI

KEKECOHAN dalam Forum Nothing To Hide 2.0 yang menyaksikan kegagalan Dr. Mahathir Mohamad menjawab soalan mengenai tragedi Memali dengan menyakinkan, membuka episod baharu kepada isu tersebut.

Ekoran forum itu, Pas mendesak kerajaan agar menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) terhadap tragedi berdarah yang menggemparkan negara pada 19 November 1985. Sebanyak 14 orang awam dan empat anggota polis terkorban dalam pertempuran ketika polis cuba menahan Ibrahim Libya kerana didakwa mengancam keselamatan dan mengamalkan ajaran sesat.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, Musa Hitam mengakui beliau sudah penat menanggung beban sejarah menjadi kambing hitam dalam peristiwa Memali. Ketika itu, Musa adalah Menteri Dalam Negeri dan isu itu terus dipalitkan dengan beliau selama lebih 30 tahun sehingga terpaksa menjelaskan semuanya dalam buku *Frankly Speaking*.

Biarlah RCI menjawab segala-galanya demi meleraikan apa sahaja misteri dan mencari kebenaran.

awam dan banyak permintaan mahu tragedi Memali disiasat maka ia wajar dipenuhi. Dengan itu, Musa mahupun waris keluarga yang terbunuh boleh mendapat keadilan sementara tokoh-tokoh dan individu berkenaan masih hidup untuk dinilai penjelasan mereka.

Pada Awang, sudah sampai masanya episod tragedi Memali ditutup sama sekali supaya tidak berlarutan untuk puluhan tahun lagi. Biarlah RCI menjawab segala-galanya demi meleraikan apa sahaja misteri dan mencari kebenaran. Tiada apa yang perlu digundahkan.

SENJATA MAKAN TUAN

CUBAAN para pemimpin Pakatan Harapan terutama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk mengalihkan perhatian daripada isu pokok berhubung kekecohan Forum Nothing To Hide 2.0, tidak berjaya.

Ini termasuk menyalahkan pihak lain termasuk UMNO yang kononnya bertanggungjawab ke atas tercetusnya insiden memalukan itu.



MAHATHIR

Awang sekadar senyum kerana itu memang penyakit Pakatan Harapan tidak mahu mengaku kepincangan sendiri. Apabila makin banyak bukti terpampang menerusi laman sosial terutama pengakuan ahli-ahli Armada iaitu sayap pemuda PPBM, barulah pemimpin atasan mereka senyap.



MUSA HITAM



IBRAHIM LIBYA

Salah seorang anak mangsa Memali, Mohamad Zuhdi melalui Facebook pula melahirkan rasa sedih kerana Dr. Mahathir tidak pernah mengaku salah dan memohon maaf kepada keluarga mangsa.

Awang berpendapat, memandangkan ia menjadi polemik baharu, melibatkan kepentingan

Hakikatnya ia masalah dalaman parti berpunca daripada ahli-ahli PPBM yang terbuka rasa tidak puas hati terhadap kepemimpinan parti itu terutama persekongkolan dengan DAP.

Kegagalan Dr. Mahathir menjawab persoalan kritikal termasuk isu Memali dan isu akhlak Anwar Ibrahim memburukkan lagi keadaan dengan akhirnya selipar, botol air, kerusi dan suar berterbangan di dalam dewan.

Apa yang berlaku pada forum itu merosakkan lagi jenama PPBM, yang sebelum itu pun telah menyaksikan arus keluar ramai ahli parti. Ia menjelaskan lagi hakikat bahawa PPBM adalah parti yang paling lemah dan rapuh dalam Pakatan Harapan yang dikuasai oleh DAP. Itulah realiti.

Awang melihat keterujaan Dr. Mahathir untuk mengadakan Forum Nothing To Hide 2.0 bagi meraih kepentingan politik bertukar menjadi igauan buruk. Inilah yang dikatakan senjata makan tuan. Itupun



KERATAB akhbar.

banyak soalan bersempit ditanya kepada beliau antaranya kekayaan keluarga serta anak-anaknya.

Kekecohan itu tentu menjadi iktibar bernilai kepada Dr. Mahathir bahawa beliau makin menjadi liabiliti dan ditolak ahli PPBM. Kepada Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan anaknya, Lim Guan Eng yang hadir pada forum tersebut, strategi mereka untuk memperkuda Dr. Mahathir bagi menarik pada PRU-14 nampaknya

sokongan Melayu tidak berhasil.

Politik Melayu berpaksi jati diri dan kesederhanaan, bukannya kebencian dan ekstremisme. Lagipun Mahathir yang dulu bukan lagi Dr. Mahathir yang sekarang dengan mencabul banyak prinsipnya. Beliau mengulangi kesilapan pendekatan politik Anwar yang tidak disenangi dan diyakini majoriti rakyat. Dengan kata lain, tidak elegan. Realiti politik juga sudah berubah.

Maka isu Dr. Mahathir dan perkembangan baharu ini menjadi petanda buruk buat Pakatan Harapan. Masa akan membuktikan.

UM - 20/8/2017 pg. 6